

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6 AUGUST 2016

Bekas ahli, pemimpin hipokrit musuh ketat UMNO

BH- 6/8/2016

Kota Bharu: Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata golongan yang meninggalkan UMNO tidak lagi perlu dipertahankan kerana mereka menentang perjuangan majoriti orang Melayu.

Sambil menyifatkan kelompok berkenaan sebagai hipokrit, beliau berkata, golongan berkenaan lupa mereka berjaya menjadi pemimpin besar dalam UMNO dan kerajaan kerana diangkat oleh ahli parti.

“Sesiapa yang dulu pernah jadi pemimpin UMNO bercakap tak akan meninggalkan parti tapi ke-

mudian keluar tubuh parti lain, selalunya akan jadi musuh ketat UMNO.

“Tak kira siapa, sekali pun Tan Sri Muhyiddin (Yassin), Tun Dr Mahathir (Mohamad), Datuk Seri Muhriz (Mahathir) apabila mereka keluar parti, mereka menjadi musuh UMNO.

“Pada, saya orang ini hipokrit, dulu (ketika dalam UMNO) cakap lain, sekarang cakap lain. Orang macam ini, ahli UMNO tak perlu pertahankan,” katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan sayap Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Pengkalan Chepa,

di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir ialah Ketua UMNO bahagian, datuk Zaluzy Sulaiman.

Beliau mengulas tindakan Muhyiddin yang juga bekas Timbalan Presiden UMNO mahu menubuhkan parti baharu, sekali gus akan bersama pembangkang untuk menjatuhkan UMNO dan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Pertahan kepentingan diri

Hamzah yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan berkata, hanya UMNO sahaja mampu mempertahankan masa depan orang Melayu, agama dan negara bukan parti pembangkang yang hanya mempunyai agenda peribadi.

“Kalau Muhyiddin tubuh parti semata-mata nak jatuhkan Presiden UMNO, itu bukan perjuangan, itu hanya mempertahankan kepentingan diri.

“Malah, kelompok terbabit sanggup bersama DAP untuk jatuhkan UMNO kerana tak mahu melihat lagi orang Melayu terus memerintah negara ini pada masa hadapan,” katanya.



Sesiapa yang dulu pernah jadi pemimpin UMNO bercakap tak akan meninggalkan parti tapi kemudian keluar tubuh parti lain, selalunya akan jadi musuh ketat UMNO”

Hamzah Zainuddin,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO